

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022 (SET 1)
PENDIDIKAN ISLAM
TINGKATAN 5
2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **lima** soalan .
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Jawab *semua* soalan

1 (a) Firman Allah Taala :

﴿أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ﴾ (19) الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ (20)

Surah Al-Taubah:19-20

Ayat di atas menerangkan tentang keutamaan melakukan suatu amalan.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud fiqh al-Aulawiyat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip asas fiqh al-Aulawiyat. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ خُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ
مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.

Riwayat Al-Bukhari

(b) Hadis di atas berkaitan kemuliaan berdikari.

- (i) Nyatakan **dua** contoh pekerjaan nabi dan rasul untuk menyara keluarga. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan kelebihan mengamalkan sikap berdikari. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]
- (c) Terangkan mana-mana satu hukum tajwid berkaitan *mad silah*. [2 markah]

- 2 (a) Al-Syahid merupakan salah satu daripada nama-nama Allah yang indah.
- (i) Nyatakan maksud al-Syahid. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** bukti kefahaman anda mengenai Al-Syahid. [4 markah]




- (iii) Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan nama Allah Taala Al-Syahid. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan pengertian Khawarij. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** ciri pemikiran Khawarij. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** prinsip Khawarij. [2 markah]
- (iii) Jelaskan perbezaan pandangan Khawarij dan Ahli Sunnah Wal Jamaah terhadap pelaku dosa besar. [4 markah]
- 3 (a) (i) Nyatakan maksud haji menurut istilah syarak. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** rukun haji. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara haji dan umrah. [4 markah]

(b) Talak merupakan perkara halal yang dibenci oleh Allah Taala.

(i) Nyatakan maksud talak. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** jenis lafaz talak beserta contohnya. [4 markah]



Pada pendapat anda, bagaimanakah untuk menangani isu di atas? [4 markah]

4 (a) (i) Senaraikan **dua** khalifah Khulafak al-Rasyidin. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** pencapaian pemerintahan kerajaan Khulafak Al-Rasyidin dari aspek agama. [4 markah]



(iii) Berdasarkan situasi di atas, mengapakah ramai tenaga cerdik pandai di Malaysia bertindak sedemikian? [4 markah]

- (b) Imam Syafie merupakan seorang ulamak yang hebat dan pintar sejak dari kecil.
- (i) Nyatakan **tiga** riwayat hidup Imam Al-Syafie. [3 markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** sumbangan beliau dalam sejarah Islam [3 markah]
- (c) Terangkan **dua** iktibar yang boleh dihayati daripada keunggulan Imam Syafie. [4 markah]
- 5 (a) (i) Nyatakan maksud wasatiah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** ciri wasatiah dari aspek kesederhanaan. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** hikmah bersifat wasatiah. [2 markah]
- (iv)

Wasatiah merujuk kepada konsep berpegang teguh kepada syariat Allah dan berpegang dengan nilai-nilai akhlak. Hanya dengan penilaian yang seimbang dan tetap kepada ajaran Allah maka muslim akan menjadi kuat dan dapat menjadi penyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Sebagai seorang pelajar, bagaimana anda mengamalkan wasatiah dalam kehidupan? [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara menjaga alam sekitar. [2 markah]
- (iii) Jelaskan hikmah menjaga dan beradab terhadap alam sekitar. [2 markah]



- (c) Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku jika situasi di atas tidak dibendung dalam kalangan masyarakat. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT.